

Kerajaan ambil alih lantik subkontraktor

Kementerian Kewangan pastikan pembayaran ikut jadual

Oleh **Shamshul Azree Samshir**

PUTRAJAYA: Mulai tahun depan, kerajaan sendiri akan melantik subkontraktor untuk melaksanakan projek pembangunan dan membuat bayaran terus bagi mengatasi masalah kelewatan pembayaran.

Menteri Kewangan Kedua, Tan Sri Nor Mohamed Yakcop, berkata masalah teknikal termasuk kegagalan kontraktor utama menjelaskan bayaran kepada subkontraktor dan pematuhan tempoh pembayaran oleh kementerian, akan diperhalusi supaya semua pihak menerima bayaran mengikut jadual.

"Kerajaan sudah memutuskan keba-

"Kerajaan sudah memutuskan supaya kebanyakan kontrak kita akan lantik subkontraktor secara terus supaya kelewatan bayaran tidak berulang"

Nor Mohamed Yakcop
Menteri Kewangan Kedua

nyakan kontrak kita akan lantik subkontraktor secara terus supaya perkara ini (kelewatan bayaran) tidak berulang dan kita boleh bayar terus.

"Jadi kita hendak semak sama ada kontraktor utama belum dibayar, dan kalau sudah dibayar tetapi dia tidak bayar (kepada subkontraktor), kita akan senarai hitamkan," katanya kepada pemberita selepas merasmikan Hari Kualiti dan Integriti Jabatan Akauntan Negara 2006 di sini, semalam.

Turut hadir pada majlis itu ialah Ketua Setiausaha Perbendaharaan, Tan Sri Izuddin Dali dan Akauntan Negara, Datuk Mohd Salleh Mahmud.

Mengikut peraturan sedia ada, ke-

menterian perlu membuat bayaran peratus kepada kontraktor dalam tempoh 14 hari daripada tarikh penerimaan bil atau tuntutan, m kala selebihnya dalam tempoh em minggu.

Nor Mohamed berkata, pihak bagaimanapun mendapati ba kementerian tidak menepati sya itu dan masalah ini akan dikaji ngan terperinci bersama semua menteri bagi memastikan i tepati.

"Objektifnya, semua bayaran yar dalam tempoh 14 hari dan ba peratus lagi pada empat minggu ikutnya," katanya.

LIHAT MU

'Isu peruntukan tidak jadi masalah'

DARI MUKA 1

Beliau berkata, peruntukan yang disediakan sudah disalurkan oleh Kementerian Kewangan kepada semua kementerian lebih awal iaitu pada 1 Januari setiap tahun.

"Isu peruntukan tidak menjadi masalah langsung dan kita berbincang dengan semua kementerian untuk memastikan bayaran dapat dibuat cepat mungkin," katanya.

Ditanya sejauh mana masalah yang dihadapi kontraktor dan subkontraktor ber-

hubung isu pembayaran, beliau berkata, jumlah sebenar tidak dapat dipastikan tetapi ada aduan yang mendakwa kontraktor belum dibayar.

"Dari segi Jabatan Akauntan Negara, lima hari saja tempohnya kita terima bil, kita akan bayar (kepada kementerian berkenaan). Mungkin wujud masalah teknikal di kementerian yang menyebabkan bayaran berkenaan lambat dikeluarkan," katanya.

Sementara itu, dalam ucapannya, Nor Mohamed mengumumkan, Timbalan Ketua Pe-

ngarah Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN), Hasmah Abdullah dilantik sebagai Ketua Eksekutif lembaga itu menggantikan Tan Sri Zainol Abidin Abd Rashid yang akan bersara pada 19 Gktober depan.

"Pelantikan Hasmah membuktikan Malaysia mengiktiraf peranan wanita dengan memberi jawatan penting. Tidak seperti negara maju, kita beri tugas penting kepada wanita tanpa had," katanya sambil merujuk beberapa jawatan penting negara dipimpin wanita.